

Mahathir puas hati dengan hasil lawatan ke Britain

Mesej PM dapat

BH 26 JUL 1987

perhatian

Laporan A KADIR JASIN

LONDON — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berpuas hati dengan hasil lawatannya ke Britain yang berakhir semalam.

Katanya, Malaysia boleh mengharapkan perhatian lebih baik daripada kerajaan dan pelabur British selepas ini.

Perdana Menteri British, Puan Margaret Thatcher, yang mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir di hotelnya untuk mengucapkan selamat jalan petang semalam berkata banyak kejayaan dicapai hasil lawatan itu.

Pegawai-pegawai dan ahli-ahli perniagaan Malaysia yakin mesej yang dibawa oleh Perdana Menteri difahami oleh sebahagian besar pihak yang menjadi sasaran.

Kapal terbang

Manakala pegawai-pegawai dan ahli-ahli perniagaan British pula berpendapat Datuk Seri Dr Mahathir telah menyatakan pandangan dan harapannya dengan cara yang tidak boleh disalahtafsirkan lagi.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini semalam, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata sambutan oleh kerajaan dan ahli perniagaan British amat menggalakkan.

Katanya, pelabur-pelabur British menunjukkan minat yang tinggi untuk melabur semula di Malaysia, mereka mengakui perlunya mengambil bahagian cergas dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Menyentuh perkara-perkara khusus yang berlaku

dalam lawatannya, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata Malaysia tidak menolak kemungkinan menimbang pembelian pesawat ATP (Advanced Turbo Prop) jika syarat-syaratnya sesuai dengan Malaysia.

Pesawat dua enjin kipas yang sedang dimajukan oleh British Aerospace (BAE) itu boleh membawa sehingga 64 penumpang. Perdana Menteri melihat pesawat itu diuji dalam lawatannya ke Kompleks BAE di Hatfield tidak jauh dari sini semalam.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia berminat mengkaji kemungkinan mengeluarkan komponen kapal terbang dengan kerjasama BAE.

Perdana Menteri tertarik dengan kerjasama di bidang pembinaan kapal terbang yang membabitkan negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat.

Pengeluaran komponen di Malaysia, kata Perdana Menteri, boleh membantu membiayai pembelian pesawat baru untuk Sistem Penerbangan Malaysia (Mas).

Datuk Seri Dr Mahathir mengulangi minat Malaysia mendapatkan dua penerbangan tambahan seminggu ke London untuk Mas. Perkara itu dibangkitkan dalam rundingan dengan Puan Thatcher. Mas kini terbang lima kali seminggu ke London.

Mengenai pelancongan, Perdana Menteri berkata, pertemuannya dengan pengusaha-pengusaha pelancongan British memberi gambaran yang Malaysia belum melakukan secukupnya untuk memperkenalkan dirinya kepada pelancong British, terutama generasi muda yang kurang mengenali Malaysia.

Katanya, walaupun bilangan pelancong British yang melawat Malaysia meningkat sejak dua tahun lalu, kadarnya rendah berbanding 10 juta rakyat British yang melancong ke luar negeri setiap tahun. Hanya kira-kira 62,000 melawat Malaysia tahun lalu.

Berterus terang

Menyentuh Pelajaran, Perdana Menteri berkata, Kerajaan British bersetuju meneruskan skim bantuan kepada pelajar-pelajar Malaysia selepas 1988.

Bagaimanapun, disebabkan beban kewangan, peruntukannya mungkin dikurangkan sedikit daripada \$1.5 juta sterling (M\$6 juta) setahun sekarang.

Skim itu diwujudkan bagi membantu pelajar-pelajar Malaysia mengatasi masalah pembayaran yuran ekoran kenaikan yuran pelajaran tinggi UK.

Bilangan pelajar Malaysia di UK kini sudah berku-

rangan dan kerajaan akan hanya menghantar pelajar berdasarkan keperluan negara pada sesuatu masa tertentu.

Menjawab soalan mengenai kritikan-kritikan beliau terhadap pelbagai pihak di Britian, Perdana Menteri berkata, adalah lebih baik berterus terang jika kita mahu masalah-masalah kita difahami.

Mengenai sambutan dingin media massa British terhadap lawatannya dan kritikan mereka terhadap Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, itu adalah hak mereka.

Dalam pertemuan dengan pengarang-pengarang akhbar British dua hari lalu, Perdana Menteri menyatakan pendirian Malaysia, manakala pengarang-pengarang itu pula berkata, sebagai pemimpin media massa mereka akan terus bersikap kritikal terhadap semua isu.

Menyentuh isu antarabangsa, Perdana Menteri berkata beliau belum memutuskan sama ada akan menghadiri persidangan ketua-ketua kerajaan Komanwel di Vancouver, Kanada, akhir tahun ini atau tidak.

Katanya, walaupun beliau tidak sependapat dengan Puan Thatcher mengenai isu Afrika Selatan, ini tidak bermakna Malaysia tidak akan memberi sokongan kepada persidangan itu. Mungkin ada perkara-perkara lain yang berfeadah akan dibincangkan di persidangan itu, tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Mengulas kenyataan Russia yang ia mungkin menerima konsep Kerajaan Perpaduan Kebangsaan di Kampuchea jika Pol Pot tidak dimasukkan, Perdana Menteri berkata dasar Malaysia menyokong sebarang usaha yang boleh membawa penyelesaian damai kepada masalah itu.

Datuk Seri Dr Mahathir yang tiba di sini Isnin lalu akan bertolak ke Hungary, esok. □